

Long wait for a lifeline

Thousands of transplant patients bidding time despite donor pledges

PETALING JAYA: Kevin Hng is a retired accounts clerk but for the last few years, his retirement has been all about waiting for a call that has yet to come.

He suffered a kidney failure three years ago due to long-term diabetes and has been on the waiting list since.

The hardest part, he said, is not knowing whether you will be able to be a potential donor.

"You don't know if a call will ever come. You wait, but you also don't want to pressure anyone. It's a strange position to be in," he said.

While his condition is stable, he knows a transplant would significantly improve his quality of life.

"A kidney transplant would mean freedom – freedom from machines, from constant exhaustion and from worrying whether my body can keep up," said Hng, who welcomed efforts to strengthen policy, governance and national coordination of transplant services.

"When people trust the system, more may come forward to donate. That hope is what keeps patients like me going," he said.

Kevin added that public awareness about organ donation should also highlight the importance of saving lives.

Over 400,000 Malaysians have registered as donors but over 10,000 patients are still on the waiting list due to various reasons.

Dentist Wee Sze Ling, 35, knows how important saving lives is. She decided to become an organ donor after religious considerations.

"I realised that I would not be using my organs once I am no longer around, so it would be a waste if I did not donate it."

"I went through the Silent



Changing mindsets: A National Transplant Resource Centre staff member arranging exhibits on organ donations in Wisma Sejarah, Kuala Lumpur. — AZMAN GHANI/The Star

Mentor Programme organised by Universiti Malaya and Tzu-Chi University of Taiwan, where I pledged my body in front of medical students, professors and religious teachers, and went through traditional rituals such as meditation."

Meanwhile, company manager Jien Wong, 38, also said he agreed to become an organ donor because of the good it would bring.

"It was as simple as ticking a box. I ticked 'agree' for no other reason than I'd like my organs to benefit other people in the case I

get into a fatal accident."

He said the values that his family instilled in him from a young age encouraged him to make the choice himself.

"I was raised with the belief that we should help others when possible."

However, there are also those who reject organ donation for religious reasons.

Abdul Rahman Ismail, 52, a self-employed mechanic from Shah Alam, said he decided to decline a kidney transplant because of unresolved religious concerns.

Diagnosed with end-stage kidney failure three years ago, Abdul Rahman undergoes dialysis several times a week but is hesitant about receiving an organ transplant.

"I understand a transplant can improve my life, but I am not sure if it is the right decision according to my faith."

"My family worries about my health, but they also respect my beliefs," Abdul Rahman said.

He said clearer explanations from religious authorities and public education could help patients like him reconsider.

Penduduk nafi kes tibi semakin teruk

Tinjauan BH di FELDA Sungai Mas, FELDA Papan Timur dapati aktiviti harian seperti biasa

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Penduduk sekitar lokaliti wabak kluster Tuberkulosis atau tibi di daerah ini menjalani kehidupan seperti biasa dalam keadaan terkawal, namun masih berjaga-jaga dengan penularan penyakit itu.

Penduduk yang ditemui memaklumkan mereka menjalani kehidupan seperti biasa dan tidak panik, walaupun ada dakwaan melalui hantaran di media sosial yang menyatakan situasi di kawasan mereka semakin memburuk dengan kes kematian dilaporkan.

Penduduk FELDA Papan Timur, Normah Muhamad, 51, berkata beliau masih berniaga seperti biasa di Medan Selera Henti-an Bandar Mas di sini.

Kluster tibi dikesan di Kota Tinggi



Keratan akhbar BH, semalam.

Katanya, perniagaannya tidak terjejas, walaupun ada nasihat daripada pihak berkuasa supaya menghadkan pergerakan harian kepada penduduk.

“Tular yang kata keadaan di sini sampai ada kematian yang banyak itu, tidak betul. Keadaan jangkitan yang terkesan itu dalam FELDA Sungai Mas, tetapi kami di kawasan sekitar kena berjaga-jaga sajalah.

“Memang ada orang luar tanya macam-macam bila isu ini tular. Kita nak cakap macam mana, sebab kita di sini ‘okay’ sahaja, boleh berniaga seperti

biasa,” katanya.

Pakai pelitup muka

Tinjauan di FELDA Sungai Mas, Bandar Mas dan FELDA Papan Timur di sini, mendapati kehidupan harian penduduk berjalan seperti biasa.

Beberapa penduduk dilihat memakai pelitup muka sebagai langkah berjaga-jaga.

Yang turut kelihatan, papan digital memaparkan maklumat berkaitan tibi di laluan utama FELDA Sungai Mas dan langkah penjagaan kesihatan yang perlu diambil.

Penduduk FELDA Sungai Mas, Rahayu Musran, 45, berkata dia mengambil langkah mengurangkan pergerakan anaknya dan mengingatkan mereka supaya minum air masak dan menjaga kebersihan diri.

Bagaimanapun, ibu lima anak itu berkata, bagi anak yang bersekolah, dia masih membenarkan mereka ke sekolah dengan penjagaan kebersihan yang rapi.

“Saya kerja macam biasa. Anak yang sekolah, saya suruh pergi sekolah sebab sekolah tidak tutup. Ada cikgu beri murid pelitup muka. Memang ada yang murid buat saringan, ada yang cuti,” katanya.



Normah Muhamad

Rahayu Musran

Ikut panduan KKM untuk pencegahan dan rawatan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan satu kluster Tuberkulosis atau tibi di Kota Tinggi pada 25 Januari lalu dengan 33 kes positif dikesan hasil saringan ke atas 804 kontak rapat setakat 4 Februari lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pasukan KKM kini berada di lapangan dan sedang mengambil tindakan agresif bagi membendung penularan wabak berkenaan.

"Semua pesakit yang dikesan positif sudah menerima rawatan dan sedang dipantau rapi pihak KKM," katanya menerusi hantaran di platform X.

Hasil carian *BH* di laman sesawang KKM mendapati penyakit tibi, yang juga dikenali sebagai batuk kering adalah penyakit berjangkit berpunca daripada bakteria *Mycobacterium tuberculosis*.

Penyakit tibi merebak melalui udara apabila individu dijangkiti batuk, bersin atau bercakap

dalam jarak dekat, sekali gus meningkatkan risiko jangkitan kepada orang di sekeliling.

Antara gejala sering muncul, termasuk batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, penurunan berat badan, hilang selera makan serta batuk berdarah.

Bagi mengurangkan risiko jangkitan, orang ramai dinasihatkan menjaga kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, mengelakkan menyentuh mata, hidung dan mulut serta memakai pelitup muka, terutama di kawasan berisiko.

"Amalan penjarakan fizikal, gaya hidup sihat, pemakanan seimbang, tidur mencukupi dan menghindari tabiat merokok turut membantu meningkatkan daya tahan tubuh," menurut info berkenaan.

Bagi individu disahkan menghidap tibi, kepatuhan terhadap rawatan sepenuhnya serta janji temu susulan ditetapkan amat penting.

KKM menyarankan pesakit tidak berhenti mengambil ubat tanpa nasihat doktor bagi mengelakkan komplikasi serius dan risiko penularan meningkat.

KKM turut menegaskan antara lima hingga 10 peratus kontak rapat pesakit tibi berisiko dijangkiti dalam tempoh dua tahun.

Individu tinggal serumah, kerap berinteraksi rapat, berkongsi kenderaan, terbabit dalam aktiviti sosial bersama atau berada dalam organisasi yang sama dianggap berisiko tinggi.

"Justeru, orang ramai digalakkan membuat pengesanan awal membabitkan pemeriksaan klinikal, penilaian gejala, ujian kulit Tuberkulin, Ujian pelepasan interferon-gamma (IGRA) dengan persetujuan, ujian kahak serta pemeriksaan Sinar-X dada, bagi membolehkan rawatan awal diberikan sebelum keadaan pesakit menjadi lebih serius," menurut KKM.

KKM mengesahkan 33 kes positif kluster tibi di Kota Tinggi

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan satu kluster tuberkulosis atau tibi di Kota Tinggi pada 25 Januari lalu dengan 33 kes positif dikesan hasil saringan ke atas 804 kontak rapat setakat 4 Februari lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pasukan KKM kini berada di lapangan dan sedang mengambil tindakan agresif bagi membendung penularan wabak berkenaan.

"Semua pesakit yang di-kesan positif telah menerima rawatan dan sedang dipantau rapi oleh pihak KKM," katanya menerusi hantaran di platform X.

Hasil carian di laman sesawang KKM mendapati bahawa penyakit tibi, yang juga dikenali sebagai batuk kering, adalah penyakit berjangkit berpunca daripada bakteria *Mycobacterium tuberculosis*.

Penyakit itu merebak melalui udara apabila individu yang dijangkiti batuk, bersin atau bercakap dalam jarak dekat, sekali gus meningkatkan risiko

"Antara gejala yang sering muncul termasuk batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, penurunan berat badan, hilang selera makan serta batuk berdarah"

Dr Dzulkefly Ahmad

jangkitan kepada orang di sekeliling.

"Antara gejala yang sering muncul termasuk batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, penurunan berat badan, hilang selera makan serta batuk berdarah.

"Bagi mengurangkan risiko jangkitan, orang ramai dinasihatkan supaya menjaga kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, mengelakkan menyentuh mata, hidung dan mulut, serta memakai pelitup muka terutama di kawasan berisiko.

"Amalan penjarakan fizikal, gaya hidup sihat, pemakanan seimbang, tidur



mencukupi dan menghindari tabiat merokok turut membantu meningkatkan daya tahan tubuh," menurut info berkenaan.

Bagi individu yang disahkan menghidap Tibi, kepatuhan terhadap rawatan sepenuhnya serta janji temu susulan yang ditetapkan adalah amat penting.

KKM menyarankan agar pesakit tidak berhenti mengambil ubat tanpa nasihat doktor bagi mengelakkan komplikasi serius dan risiko penularan meningkat.

"KKM turut menegaskan bahawa antara lima hingga 10 peratus kontak rapat pesakit Tibi berisiko dijangkiti dalam tempoh dua tahun.

Individu yang tinggal serumah, kerap berinteraksi rapat, berkongsi kenderaan, terlibat dalam aktiviti sosial bersama atau berada dalam organisasi yang sama dianggap berisiko tinggi.

"Justeru, orang ramai digalakkan membuat pengesanan awal melibatkan pemeriksaan klinikal, penilaian gejala, ujian kulit Tuberkulin, Ujian pelepasan interferon-gamma (IGRA) dengan persetujuan, ujian kahak serta pemeriksaan sinar-X dada, bagi membolehkan rawatan awal diberikan sebelum keadaan pesakit menjadi lebih serius," menurut KKM.

Menurut KKM, pesakit yang disahkan dijangkiti tibi akan menerima rawatan selama enam bulan, manakala pesakit yang disahkan menghidap Latent Tibi (LTBI) turut akan diberikan rawatan selama enam bulan.

Manakala, bagi individu yang didapati normal, mereka akan menjalani pemeriksaan susulan sebanyak empat kali dalam tempoh dua tahun.

'Basuh lebih makanan untuk haiwan'

Pemilik restoran nasi kandar nafi dakwaan ia untuk dijual semula kepada pelanggan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Pemilik Restoran RB Nasi Kandar menafikan dakwaan premisnya di Kemayan Square di sini membasuh lebih makanan untuk dijual semula kepada pelanggan, sebaliknya ia bertujuan diberikan kepada pencinta haiwan.

Datuk Fadzil A Bakar berkata, adalah mustahil pihaknya menjual lebih makanan kepada pelanggan kerana ia mudah rosak dan berbau.

"Kalau buat macam mana sekalipun, makanan itu akan cepat rosak dan pelanggan boleh mengesannya.

"Kita bukan baharu dalam bidang ini. Mungkin ada pemilik restoran lain yang mengitar semula makanan, tetapi kita tidak pernah buat macam itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Menurut beliau, sejak tiga tahun lalu,

pencinta haiwan terbabit sering datang ke restoran berkenaan untuk mengambil lebih makanan bagi diberikan kepada haiwan liar seperti kucing, burung dan tikus.

Jelasnya, makanan itu perlu dibasuh terlebih dahulu supaya tidak berminyak bagi mengelakkan haiwan terkena penyakit.

"Kita tak nampak betul-betul apa yang berlaku dan pelbagai cerita yang timbul.

"Saya rasa pekerja kami warga Pakistan itu pun mungkin kurang faham apa yang dipersoalkan oleh perakam video dan telah memberi penerangan yang salah dengan mengatakan ia dibasuh untuk digunakan semula sedangkan ia sebenarnya untuk diberikan kepada haiwan," jelasnya.

Ujarnya lagi, pihak pengurusan restoran juga berdepan masalah untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada pekerja berkenaan kerana selepas insiden itu, dia terus menghilangkan diri.

"Dia pun baru lagi kerja di restoran itu dan tak faham sangat bahasa Melayu. Kita



Restoran nasi kandar yang didakwa membasuh lebih makanan diarah tutup selama 14 hari oleh JKN Negeri Sembilan baru-baru ini.



FADZIL

nak tanya lanjut pun tak dapat kerana dia sudah melarikan diri," ujarnya.

Mengulas mengenai video yang tular, Fadzil berkata, tindakan individu merakam dan menyebarkan tanpa berbincang terlebih dahulu telah menjejaskan reputasi perniagaannya.

Bagaimanapun, ujarnya, pihaknya akur dengan siasatan Kementerian Kesihatan (KKM), malah telah pun membuat laporan polis terhadap penyebar video.

Pada masa sama, beliau tidak menolak kemungkinan mengambil tindakan undang-undang terhadap perakam video.

"Kalau tak puas hati atau ada tengok sesuatu tak kena, sepatutnya jumpa dulu dengan pengurusan restoran, bukannya terus tular," tegasnya.

Sementara itu tinjauan *Sinar Harian* di restoran tersebut mendapati beberapa pekerja sedang membersihkan bahagian belakang premis terbabit.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan kejadian itu dikongsi seorang pengguna media sosial yang mendakwa menyaksikan sendiri perbuatan berkenaan di belakang premis terbabit pada jam 12.18 tengah malam Selasa.

Susulan itu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Negeri Sembilan mengeluarkan notis penutupan berkuat kuasa 3 Februari hingga 17 Februari ini.

Satu kluster tibi dikesan di Kota Tinggi

33 kes positif dikesan hasil saringan ke atas 804 kontak rapat

JOHOR BAHRU -

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan satu kluster Tuberkulosis atau tibi di Kota Tinggi pada 25 Januari lepas dengan sebanyak 33 kes positif dikesan hasil saringan ke atas 804 kontak rapat setakat 4 Februari.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pasukan KKM kini berada di lapangan dan sedang mengambil tindakan agresif bagi membendung penularan wabak berkenaan.

"Kesemua pesakit yang dikesan positif telah menerima rawatan dan sedang dipantau rapi oleh pihak KKM," katanya menerusi hantaran di laman X.

Dzulkefly berkata, satu kematian dilaporkan dalam kluster berkenaan, namun mengesahkan bukan disebabkan oleh jangkitan tibi.

Beliau berkata, KKM kini berada dalam kesiapsiagaan tinggi, dengan tindakan pengesanan kes secara aktif

atau Active Case Detection akan diteruskan bagi memastikan keselamatan komuniti setempat.

Dzulkefly berkata, penduduk sekitar yang mengalami simptom seperti batuk berpanjangan, demam atau berpeluh pada waktu malam diminta supaya segera menjalani saringan kesihatan dan tidak menunggu sehingga keadaan menjadi lebih serius.

Beliau berkata, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan berita palsu yang boleh mencetuskan panik.

Penyakit tibi turut dikenali sebagai batuk kering merupakan penyakit berjangkit yang berpunca daripada *Mycobacterium tuberculosis* yang merebak melalui udara kepada kontak rapat yang berdekatan.

Gejala penyakit tibi termasuklah batuk berpanjangan, hilang berat badan yang ketara, hilang selera makan, berpeluh pada waktu malam dan batuk berdarah.

Penyakit tibi boleh dicegah dan sembuh sepenuhnya melalui rawatan yang efektif dengan tempoh rawatan minima selama enam bulan.

Bernama



DR DZULKEFLY